

Penjawat awam turut terkesan COVID-19

Putrajaya: Penjawat awam turut menjadi antara kalangan yang terkesan dengan penularan COVID-19 dan selayaknya menerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN).

Presiden CUEPACS, Adnan Mat, berkata adalah tidak adil untuk menyatakan penjawat awam tidak layak menerima BPN hanya disebabkan mereka masih menerima gaji sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan penularan COVID-19.

Katanya, bukan semua pasangan penjawat awam sama-sama bekerja di sektor kerajaan.

“Ada dalam kalangan pasangan suri rumah, bekerja sendiri se-

perti penjaja kecil serta bekerja di sektor swasta yang mungkin turut terjejas pendapatan mereka.

“Penjawat awam yang mempunyai pinjaman perumahan dengan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) tetap perlu membayar pinjaman seperti biasa walaupun ada dalam kalangan pasangan mereka dibuang kerja, tidak dapat berniaga atau terjejas pendapatan.

“Situasi semasa negara ketika ini disebabkan penularan COVID-19 mengganggu rutin kerja dan menjejaskan pendapatan isi rumah rakyat.

“Penjawat awam juga tidak terkecuali,” katanya dalam kenya-

taan, semalam.

Beliau mengulas pandangan seorang perunding kewangan yang antara lain berkata, penjawat awam tidak sepatutnya menerima BPN kerana tidak terkesan atau tidak dipotong gaji sepanjang penularan COVID-19 serta pelaksanaan PKP.

Adnan berkata, kriteria pemberian BPN diberikan berdasarkan pendapatan isi rumah atau keseluruhan keluarga dan bukannya berdasarkan faktor individu semata-mata.

Kerajaan menetapkan pemberian BPN kepada isi rumah yang berada pada kumpulan B40 dan M40 selain individu bujang

yang tergolong dalam senarai B40 dan M40.

Adnan berkata, penetapan kelas B40 dan M40 ini tidak mengambil kira sama ada mereka bekerja di sektor kerajaan atau sektor swasta.

“Jika isi rumah itu berpendapatan RM4,000 ke bawah, tidak kira mereka di sektor swasta atau kerajaan akan layak menerima BPN kerana dikategorikan B40,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, adalah tidak adil jika mana-mana pihak terus melabelkan atau membuat keputusan dengan hanya melihat dalam konteks yang sempit.